

**PERSATUAN SENI SILAT CEKAK
PUSAKA HANAFI
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**
JALAN PERMATANG PAUH, 13500, PERMATANG PAUH,
PULAU PINANG



**LAPORAN
KEJOHANAN WAJADIRI NASIONAL
PERINGKAT IPT & SEKOLAH 2014 &
PERHIMPUNAN SENI BELA DIRI
1 MALAYSIA TERBESAR PERINGKAT
NEGERI SABAH**

ANJURAN:

**PERSATUAN SENI SILAT CEKAK PUSAKA
USTAZ HANAFI NEGERI SABAH**

LAPORAN KEJOHANAN WAJADIRI NASIONAL PERINGKAT IPT & SEKOLAH 2014

“Kejohanan Wajadiri Nasional Peringkat IPT & Sekolah 2014” telah berlangsung dengan jayanya di Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu di Negeri Sabah pada **22 Mac 2014** baru-baru ini. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Negeri Sabah anjuran bersama UiTM sabah serta Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sebanyak 42 buah kontijen telah melibatkan diri dalam kejohanan tersebut termasuklah Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi Politeknik Seberang Perai di bawah Unit Kebudayaan & Warisan (UKWAN).

Kejohanan ini telah menunjukkan bahawa pesilat-pesilat silat cekak mampu menunjukkan keunikan dan keaslian budaya silat cekak itu sendiri malah secara tidak langsung dapat mempromosikan silat cekak itu sendiri ke arah jom silat 2015 pada tahun hadapan. Kejohanan ini mempunyai 6 pusat penjurian iaitu Petak 1, 2, 3, 4, 5, dan 6 dan Pasukan Politeknik berada di petak ke-6. Kejohanan wajadiri ini dijalankan mengikut 6 kategori iaitu menangkis serangan pisau, menangkis serangan tongkat, menangkis serangan kaki, umum senjata kreatif, umum papan sekeping kreatif serta kategori 10 buah jatuh standard. Dalam kejohanan ini, kontijen dari Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi Politeknik Seberang Perai telah menyertai kesemua kategori bagi kategori lelaki. Dengan berkat Allah dan kerjasama ahli, ***Politeknik Seberang Perai telah dianugerahkan sebuah anugerah iaitu Anugerah Khas Juri.***

Kejohanan ini telah dirasmikan oleh YM Syeikh Dr. Haji Md Radzi Haji Hanafi Al-Qadahi, Pewaris Mutlak Silat Cekak dan perasmian penutup oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Sebelum kejohanan bermula, acara menaikkan bendera kejohanan dan ikrar telah menaikkan semangat peserta untuk beraksi dengan lebih baik di samping pemeriksaan barisan kontijen oleh Pewaris Mutlak Silat Cekak. YM syeikh Dr. Haji Md Radzi berkata dalam ucapannya “ dan biarlah kita belajar silat, datang daripada keturunan yang sah. Biarlah kita belajar Silat Cekak ini, datang daripada sanad, ataupun datang daripada salasilah yang sebenar.” Kejohanan ini berakhir pada pukul 3:30 petang dan diiringi dengan demo dari pasukan unit demo dari ibu pejabat serta pengisytiharan tuan rumah kejohanan pada tahun hadapan iaitu Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur .

Gambar 1: Bergambar di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang sebelum ke Kota Kinabalu, Sabah.



Gambar2 :Upacara menaikkan bendera kejohanan



**Gambar 3: Anugerah Khas Juri yang Berjaya di sandang oleh
Politeknik Seberang Perai**



Gambar 4: Wajah Pensyarah Pengiring PSP, En. Mohd Rizal b Hussain (JTMK) yang gembira atas kejayaan kontinjen Politeknik Seberang Perai



Gambar 5 : Gambar kenangan selepas pertandingan Kontinjen Politeknik Seberang Perai bersama pensyarah pengiring



LAPORAN PERHIMPUNAN SENI BELA DIRI 1 MALAYSIA TERBESAR PERINGKAT NEGERI SABAH

“Perhimpunan Seni Bela Diri 1 Malaysia Terbesar Peringkat Negeri Sabah” telah berlangsung dengan jayanya di Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu di Negeri Sabah pada **23 Mac 2014** baru-baru ini. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Negeri Sabah anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah. Sebanyak lebih 1000 pendekar-pendekar serta srikandi dari pelbagai jenis seni bela diri telah menyertai perhimpunan ini termasuklah 6 orang ahli Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi Politeknik Seberang Perai di bawah Unit Kebudayaan & Warisan (UKWAN). Antara seni bela diri yang menyertai perhimpunan ini ialah Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi dari seluruh Malaysia, Persatuan Silat Sabah, Persatuan Muay Thai Sabah, Taekwondo dan sebagainya.

Perhimpunan ini membuktikan bahawa budaya seni bela diri ini masih segar lagi di Negeri Sabah malah “**bukan hilang di telan zaman**” bak pepatah melayu. Perhimpunan ini juga membuktikan bahawa Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi Negeri Sabah dapat mengendalikan serta menguruskan ses sebuah program yang besar dengan baik iaitu program melibatkan semua jenis seni bela diri yang terdapat di sabah sekali gus menunjukkan bahawa Persatuan ini terkenal di Negeri Sabah dan disukai oleh penduduk Sabah.

Perhimpunan ini bermula dengan perarakan masuk tetamu kehormat di samping diiringi 6 laksamana dari Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi yang memegang parang lading iaitu Senjata Rasmi Silat Cekak ke tempat duduk tetamu kehormat. Program diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan kaum di Sabah oleh Artis kebudayaan di Jabatan Kebudayaan Negeri Sabah dan Demontrasi Silat Cekak dari Unit Demo dari ibu pejabat di Kuala Lumpur. Perhimpunan ini dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Perhimpunan tamat pada Pukul 5:30 petang.

Beberapa gambar semasa perhimpunan terbesar dijalankan.



